

04 JUL 1997

Anwar-Wanita

KERAJAAN JAMIN PERANAN WANITA DIIKTIRAF

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata tanggungjawab kerajaan dalam meningkatkan mutu pembangunan yang seimbang harus juga memastikan penyertaan wanita secara berkesan.

Beliau berkata adalah janggal dan aneh jika negara terus maju dan pertumbuhan ekonomi meningkat memberangsangkan sedangkan ada sekelompok yang masih merintih kerana berlaku ketidakadilan atau peluang pendedahan yang terbatas.

"Bagi kakitangan wanita di sektor kerajaan, saya menyerahkan kepada Ketua Setiausaha Negara untuk memastikan keadilan kepada mereka, begitu juga dengan agensi lain," katanya pada jamuan malam Majlis Sukan dan Kebajikan Pertubuhan Wanita Kebangsaan Wilayah Persekutuan (MSKWP) di sini hari ini.

Seperti yang ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia harus merasa bangga dan lega sebaik sahaja ia dapat menjamin keadilan untuk semua, kata Anwar.

Beliau berkata aspek yang ditekan oleh wanita ialah menuntut keadilan daripada sudut peluang yang sama dan pengiktirafan daripada kerajaan dan sektor swasta.

"Di sinilah peranan MSKWP dengan memberi peluang kepada badan-badan wanita berfungsi bukan setakat kegiatan membabitkan wanita tetapi dapat memberi pendedahan dan galakan kepada mereka dalam semua bidang," katanya.

Anwar berkata memang benar ekonomi negara dipacu pada kadar laju dan dengan itu kerajaan mahu melihat pertumbuhan ekonomi diseimbangkan dengan usaha memperkasakan budaya seperti yang sedang diselenggarakan dengan bijak dan pantas oleh agensi kerajaan dan swasta.

"Namun satu bidang yang tidak boleh diketepikan ialah kepentingan dan peranan serta potensi kaum wanita," katanya.

Beliau berkata Malaysia bernasib baik kerana di kalangan negara Islam, wanita Malaysia berperanan aktif dalam pelbagai bidang.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. -- BERNAMA

ARA AKD